# PROJEK BARANG ASAS 100 (BA100)




BA100 merupakan sebuah program pemerkasaan dan pembekalan barangan asas yang memudahkan kedai runcit koperasi untuk mendapatkan kemudahan produk jualan dengan harga kompetitif dan mudah dengan menggunakan sistem tempahan yang disediakan melalui Sektor Pemborongan dan peruncitan ANGKASA.

Platform ini merupakan model '*Business-to-Business*' (B2B) yang menghubungkan peruncit kepada pembekal yang berdaftar. Peruncit yang mahu mendapatkan barangan jualan melalui BA100 boleh memilih pelbagai jenis produk yang disediakan selain memudahkan urusan penghantaran secara terus oleh pengeluar atau melalui pusat pengedaran (DC) yang dilantik oleh ANGKASA mengikut zon yang ditetapkan. Menerusi program ini juga, peruncit berpeluang menikmati kemudahan Kredit Pembelian sehingga RM10,000 tertakluk kepada terma dan syarat.

# OBJEKTIF PROJEK

## MENYATUKAN
gerakan koperasi dalam bidang peruncitan.

## MEWUJUDKAN
Jaringan ekonomi dari pengeluar, pembekal, pengedar, peruncit dan pengguna.

## MENDAPATKAN
bekalan barang asas dan lain-lain dengan harga yang kompetitif.

## MENAMBAH
Pendapatan kepada koperasi dalam industri peruncitan.

## MEMBERI
pendedahan yang lebih terperinci dalam bidang peruncitan termasuk pengurusan kedai dan lesen runcit berkaitan.

## MENGUBAH
kaedah pembekalan dari tradisional kepada sistem secara dalam talian.

ANGKASA akan membuat belian secara pukal daripada pembekal untuk meningkatkan jumlah belian di samping menurunkan harga kos barang.

Peruncit membuat pesanan barangan secara dalam talian melalui www.jimatbiz.com. barangan yang ditempah akan dihantar secara terus oleh pembekal atau pusat pengedaran (DC).

Pelanggan atau pengguna boleh membeli secara terus atau membuat pesanan secara dalam talian melalui www.jimatshop.com




Program JIMATHUB, JIMATBIZ dan JIMATSHOP merupakan antara pendekatan pengurusan dan pembekalan stok runcit yang disediakan oleh BA100 bagi membantu peruncit untuk mendapatkan stok barangan dengan lebih mudah menerusi tempahan secara dalam talian.




# BA100

**Sektor Pemborongan & Peruncitan**
**Bahagian Perniagaan ANGKASA**

No. 110, Blok C,
Glomac Business Centre,
Jalan SS 6/1, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-7884 6669